

15/03/1997

20,000 peluang kerja di Bandar MEC

KUANTAN, Jumaat - Bandar MEC (Malaysia Electric Corporation), di Gambang, dekat sini, yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini, dijangka dapat menyediakan lebih 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun.

Ini kerana bandar itu, satu-satunya di Asia Tenggara, akan menjadi pusat pengeluaran barangan elektrik buatan Malaysia yang unggul bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata bandar seluas 1,200 hektar itu akan dibina dalam tempoh berkenaan tetapi zon pembuatannya membabitkan 200 hektar akan menempatkan 20 kilang pengeluaran.

Menurutnya, selain itu, bandar itu akan mempunyai sekolah, kawasan perumahan pekerja, masjid dan pusat komersil.

"Pengangkutan tidak akan menjadi masalah kerana bandar itu berdekatan Lebuhraya Pantai Timur yang sedang dalam perancangan, Jalan Kuantan-Kuala Lumpur dan Jalan Gambang-Segamat.

"Ini memudahkan barangan elektrik keluaran bandar itu diedarkan ke seluruh negara," katanya ketika ditemui selepas meninjau persiapan terakhir menyambut kedatangan Dr Mahathir, di sini, hari ini.

Kuala Lumpur Industries Holding (KLIH) Berhad melalui Malaysia Electric Corporation Berhad bertanggungjawab memajukan bandar itu dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan turut memegang ekuiti di dalamnya.

Mohd Khalil berkata, rakyat Pahang, terutama golongan belia mesti bijak menggunakan peluang di Bandar MEC supaya mereka dapat menikmati faedahnya, termasuk mencari pekerjaan.

Menurutnya, kerajaan negeri akan memastikan peluang pekerjaan turut ditawarkan kepada anak tempatan.

"Kita tidak mahu masyarakat setempat hanya menjadi penonton kepada pembangunan di situ," katanya.

(END)